

MUSLIHAT - MAHATHIR

JITRA, 14 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI ORANG-ORANG BUKAN MELAYU JANGAN TERPENGARUH DENGAN MUSLIHAT POLITIK PAS YANG INGIN MENDAPATKAN KUASA DALAM PILIHANRAYA YANG AKAN DATANG.

KATANYA, PAS BUKAN SAHAJA SANGGUP MENJUAL HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU, TETAPI JUGA SANGGUP MENJUAL PRINSIP-PRINSIP AGAMA DEMI MENDAPAT SOKONGAN UNTUK BERKUASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUS BARISAN NASIONAL BERKATA DEMIKIAN PADA PERJUMPAAN DENGAN 200 ORANG PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN BAHAGIAN KUBANG PASU DI BANGUNAN UMNO DI SINI HARI INI.

KATANYA, PADA MASA LALU PAS DAN PARA PEMIMPINNYA TIDAK MAHU BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG BUKAN MELAYU KERANA MEREKA BERANGGAPAN IA BERLAWANAN DENGAN AJARAN ISLAM.

+TETAPI SEKARANG PAS BUKAN SAHAJA SANGGUP MEMBOHONGI ORANG-ORANG BUKAN MELAYU BAHKAN SANGGUP MENJUAL MARUAH BANGSA DAN HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN KUASA,+ KATANYA.

-- LAGI

MUSLIHAT - MAHATHIR 2 JITRA

KATANYA, UCAPAN PARA PEMIMPINNYA KINI SANGGUP MENERIMA PELBAGAI BAHASA DAN KEBUDAYAAN SEMATA-MATA UNTUK MENDAPAT PERHATIAN ORANG BUKAN MELAYU.

BELIAU BERHARAP ORANG-ORANG BUKAN MELAYU TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN KATA-KATA MANIS PAS ITU, KERANA APABILA MEREKA BERKUASA (PAS), MEREKA AKAN MENGHAMPAKAN HARAPAN (BUKAN MELAYU).

MENGIKUT PERDANA MENTERI, UMNO MENGENALI PAS DAN PARA PEMIMPINNYA KERANA PARTI ITU PERNAH BERADA DALAM BN PADA SUATU KETIKA DAHULU DAN AMAT ARIF DENGAN TINDAK-TANDUK MEREKA.

+PADA PANDANGAN SAYA, PAS TIDAK AKAN BERKUASA. TETAPI JIKA MEREKA BERKUASA MEREKA TETAP AKAN MENEKAN BUKAN SAHAJA ORANG-ORANG MELAYU TETAPI ORANG-ORANG BUKAN MELAYU KERANA MEREKA MEMANG BERSIKAP LIDAH BERCABANG,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERHARAP PARA PEMIMPIN BN DI SEMUA PERINGKAT AKAN BEKERJA KERAS UNTUK MEMBANTERAS DAKYAH-DAKYAH PAS SUPAYA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU TIDAK TERKELIRU DENGAN JANJI-JANJI MANIS MEREKA UNTUK MEMENANGI PILIHANRAYA.

--LAGI